



MAKLUM MEDIA

University of Nottingham Malaysia Menggunakan NVIDIA DGX A100 untuk Memajukan Penyelidikan dan Pengajaran AI

Pertama di Malaysia Memanfaatkan Kuasa Superkomputer AI

MALAYSIA—January 19, 2022— Pada hari ini, NVIDIA telah mengumumkan bahawa Universiti Nottingham Malaysia (UNM) sebagai organisasi pertama di negara ini yang menggunakan [sistem NVIDIA DGX A100](#) untuk menyediakan pengkomputeran prestasi tinggi (HPC) yang diperlukan untuk penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran kecerdasan buatan (AI).

Sistem DGX akan mula beroperasi pada akhir Februari, dan pihak UNM menjangkakan untuk melihat hasil yang lebih tinggi dan peningkatan kecekapan untuk penyelidikan bagi ahli akademik, termasuk pelajar prasiswazah dan pasca siswazah.

UNM ialah salah satu daripada dua cawangan universiti swasta University of Nottingham yang diasaskan pada tahun 1881. Kampus ini banyak terlibat dalam penyelidikan untuk menangani cabaran global dalam beberapa bidang, yang semuanya memerlukan kuasa sumber pengkomputeran. Usaha ini termasuk AI dan analisis data lanjutan seperti penglihatan komputer, pembelajaran mesin dan pengiraan saraf.

Kumpulan penyelidik khas UNM yang tersokong turut menumpu pada beberapa bidang seperti membangunkan masyarakat mampan, keterangkuman di tempat kerja, nanoteknologi dan

pengilangan pintar. Asia Research Institute Malaysia, Centre for Green Technologies, Future Food Malaysia, and Institute for Aerospace Technology adalah antara pengguna yang lain.

Projek penyelidikan di UNM bergantung pada teknik AI yang moden, terutamanya pembelajaran mendalam, dan menggunakan teknik berasaskan simulasi dalam pelbagai bidang aplikasi yang besar.

Untuk menangani permintaan pengiraan berat, UNM akan beralih kepada NVIDIA DGX A100, satu sistem universal untuk semua bebanan kerja AI dengan prestasi AI sebanyak lima petaflop (operasi titik terapung bagi setiap saat) untuk ketumpatan pengiraan, prestasi dan fleksibiliti. Menggunakan teknologi GPU (unit pemprosesan grafik) Multi-Instance NVIDIA, UNM akan dapat memperuntukkan keupayaan pengkomputeran secara fleksibel untuk merentas setiap bebanan kerja AI, menyokong penyelidik individu dan juga kumpulan yang besar.

Tahap Fleksibiliti Unik untuk Kes Penggunaan

Tomas Maul, Profesor Madya di Fakulti Sains dan Kejuruteraan di UNM berkata

“NVIDIA DGX A100 sangat menarik kerana ia menggabungkan jumlah besar GPU berkuasa yang boleh dikonfigurasi semula dan digabungkan dalam pelbagai cara mengikut keperluan pengguna. Ia menawarkan tahap fleksibiliti unik yang boleh memenuhi spektrum luas kes penggunaan kami, daripada penyelidik dengan bebanan kerja individu yang berat, kepada kelas besar pelajar sarjana, masing-masing dengan bebanan kerja yang lebih kecil.”

Sistem DGX A100 akan membantu UNM untuk memusatkan penyelesaian HPC/GPU dan menawarkan lebih fleksibiliti kepada ahli akademik dan pelajarannya untuk mempercepatkan lagi hasil penyelidikan.

Melanjutkan Keupayaan AI

Sains data kini merupakan komponen teras industri komersial, manakala permintaan untuk saintis data yang bermahir tidak dapat dipenuhi. Industri semakin banyak bergantung kepada universiti untuk menyediakan graduan yang lebih mahir.

NVIDIA DGX A100 akan digunakan untuk membantu memajukan lagi keupayaan AI komuniti penyelidikan universiti melalui [NVIDIA Deep Learning Institute](#), yang menyediakan alatan pembelajaran sendiri untuk memajukan pengetahuan dalam bidang seperti AI, pengkomputeran dipercepatkan, sains data dipercepatkan, grafik dan simulasi.

Profesor Andy Chan, Naib Provos di Penyelidikan dan Pertukaran Ilmu di UNM, berkata “UNM menyediakan persekitaran yang sangat kondusif untuk penyelidikan kami, yang merangkumi bidang seperti pengiraan saintifik, mekanik bendalir, AI dan analisis data serta yang boleh memaklumkan idea baharu dalam perancangan bandar, alam sekitar dan penderiaan jauh. Kami juga mempunyai banyak sokongan IT, yang penting memandangkan semua komputer berprestasi tinggi yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan kami. Ini menyediakan persekitaran yang produktif untuk kami bekerja.”

Dennis Ang, pengarah kanan perniagaan perusahaan untuk rantau Asia Pasifik, Operasi Lapangan Seluruh Dunia di NVIDIA, berkata “Masalah hari ini jauh lebih kompleks dan memerlukan kepakaran merentas domain serta set data yang sangat besar. AI kini merupakan sebahagian daripada aliran kerja penyelidikan HPC tradisional yang berkembang pesat. Dengan NVIDIA DGX A100, komuniti penyelidikan UNM akan mempunyai kuasa HPC untuk memacu projek mereka dengan lebih cekap dan pantas untuk menjadikan dunia tempat yang lebih baik.”

Mengenai NVIDIA

Ciptaan GPU di [NVIDIA's](#) (NASDAQ: NVDA) pada tahun 1999 telah mencetuskan pertumbuhan pasaran permainan komputer dan telah mentakrifkan semula grafik komputer moden, pengkomputeran berprestasi tinggi dan kecerdasan buatan. Kerja perintis syarikat dalam pengkomputeran dipercepatkan dan AI sedang membentuk semula industri bernilai trilion dolar, seperti pengangkutan, penjagaan kesihatan dan pengilangan, serta memacu pertumbuhan lebih banyak lagi. Maklumat lebih lanjut boleh di cari dalam portal <https://nvidianews.nvidia.com/>.

###

Untuk maklumat lebih lanjut, hubungi:

Edward Lim
CIZA Concept
(65) 6545 5645
edward@ciza.com

Melody Tu
NVIDIA Taiwan
(886) 9873 52414
metu@nvidia.com